

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : Malaysia Gazette

TARIKH : Isnin, 16 Mac 2020



## Covid-19: Semua fasiliti di bawah MOTAC ditutup sehingga 30 April

By Kumara Sabapatty

16 March 2020

PUTRAJAYA – Semua fasiliti atau kemudahan awam yang disediakan di bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan (MoTAC) ditutup sementara sehingga 30 April 2020.

Kementerian dalam kenyataan media di sini hari ini memaklumkan perkara tersebut untuk rujukan pengunjung khususnya pelancong tempatan dan asing yang berada di negara ini.

Sebanyak sembilan jabatan dan agensi yang beroperasi di bawah naungan MOTAC akan dihentikan operasi sementara akibat penularan serius gelombang kedua Pandemik Koronavirus 2019 (Covid-19).

### LAMPIRAN A

#### SENARAI PREMIS KEBUDAYAAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN YANG DITUTUP SEMENTARA AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19 SEHINGGA 30 APRIL 2020

NO.	JABATAN/AGENSI	PREMIS	CATATAN
1.	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	1. Muzium Negara 2. Muzium Perak 3. Muzium Tekstil Negara 4. Muzium Arkeologi Lembah Bujang 5. Muzium Kota Kayang 6. Muzium Labuan 7. Muzium Marin Labuan 8. Muzium Adat 9. Galeria Perdana 10. Muzium Sungai Lembing 11. Muzium Seni Bina Malaysia 12. Muzium Automobil Nasional 13. Muzium Etnologi Dunia Melayu 14. Muzium Lukut 15. Muzium Seni Kraf Orang Asli 16. Muzium Matang 17. Muzium Chimney 18. Muzium Kota Kuala Kedah 19. Muzium Kota Johor Lama 20. Muzium Diraja	
2.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)	Balai Seni Negara 1. Kuala Lumpur 2. Langkawi	
3.	Jabatan Warisan Negara (JWN)	1. Galeri Arkeologi Lenggong, Perak 2. Galeri Melayu Jalan Hutton, Pulau Pinang 3. Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah	
4.	Arkib Negara Malaysia (ANM)	1. Dewan Penyelidikan (Ibu Pejabat dan Negeri) 2. Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur 3. Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur 4. Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur 5. Memorial Negarawan, Kuala Lumpur	

Senarai sembilan jabatan dan agensi yang terlibat penutupan perkhidmatannya untuk pelancong adalah Jabatan Muzium Negara, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Istana Budaya dan akhirnya Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC).

Pusat Pelancongan menutup tujuh premis yang beroperasi iaitu Dewan Tunku Abdul Rahman, Auditorium Mini, Amphiteater, Bilik Audio Visual, Studio Latihan, Gelanggang Gasing dan Lanai.

Istana Budaya juga menutup khidmat Panggung Sri, Lambang Sari, Bilik Seri Nilam dan Pusat Sumber.

**Manakala Perpustakaan Negara juga menutup premisnya yang disediakan khidmat di Perpustakaan Komuniti di UTC Keramat, AEON Mahkota Cheras, AU2 Setiawangsa, Perpustakaan Bukit Damansara, Perpustakaan Bukit Jelutong, dan 507 cawangan Perpustakaan Desa di seluruh negara.**

Justeru Kompleks Kraf di ibu negara, Johor dan Langkawi juga ditutup kepada kunjungan awam sepanjang tempoh larangan yang dijelaskan.

Dalam pada itu lokasi yang sentiasa menjadi tumpuan pelancong iaitu Memorial Negarawan, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tunku Abdul Rahman dan Dewan Penyelidikan (ibu pejabat dan negeri) juga ditutup.

Manakala Galeri Arkeologi Lenggong, Perak, Galeri Melahyu Jalan Hutton di Pulau Pinang dan Tapak Arkeologi Sungai Batu Kedah juga ditutup bagi tempoh tersebut. Akhirnya 20 premis muzium termasuk Mizum Arkeologi Lembah Bujang dan Galeri Perdana dibawah kelolaan Jabatan Muzium Negara juga ditutup kepada kunjungan awam.-MalaysiaGazette

**Share this:**